

ILMU | KESIHATAN | IMAN | SANTAI | KEGIATAN

Muka Depan » Praktikkan ilmu agama menerusi program cuti sekolah

PENDIDIKAN

Praktikkan ilmu agama menerusi program cuti sekolah

Pelajar Pusat Pendidikan Jamiyah diajak amalkan ilmu teori agama di luar bilik darjah



New Share

0

0




KEGIATAN LUAR DARJAH: Program yang dianjurkan JEC 'Terokai Alam, Kenali Islam' baru-baru ini di Taman Simpanan Labrado mendapat sambutan baik daripada pelajar. - Foto JAMIYAH

20 Nov 2015

SETIAP hujung minggu, lebih dari 1000 pelajar dari sekolah sekular menghadiri kelas agama mingguan di Pusat Pendidikan Jamiyah (JEC) di bangunan MDIS, Changi Road dan tiga cawangannya yang terletak di kawasan kejiranan Bishan, West Coast dan Rivervale.

Pelajarsekular yang berusia di antara lingkungan 5 hingga 20 tahun mempelajari subjek-subjek yang berbentuk teori seperti ilmu fiqh, sirah, tauhid serta akhlak, seperti yang ditawarkan di kelas-kelas agama lain.



Bagaimanpun, pelajar agama mingguan JEC berpeluang mendalami pembelajaran ilmu teori di bilik darjah dengan penggunaan kaedah amali atau hands-on.

"Kami percaya aktiviti hands-on dapat memberi pelajar peluang belajar dan memahami pembelajaran secara holistik," jelas Pengetua JEC, Cik Nur Zakiah Jumathi.

Aktiviti hands-on di mana para pelajar mengalami sendiri situasi tertentu selalunya dilakukan pada waktu penggal cuti sekolah.

Ini kerana para pelajar mempunyai lebih banyak masa untuk mengikutinya ketika itu.

Salah satu aktiviti hands-on yang dikendalikan ialah program Meniti Usia Baligh, khas buat pelajar berumur 10 hingga 15 tahun.

Program tersebut mengajar mereka mengenai aspek-aspek perubahan jasmani berbentuk fizikal, biologi dan emosi.

Pelajar juga akan diberi penjelasan berkenaan tuntutan agama dan hubungan dalam hidup selepas baligh.

Menerusi program ini, JEC berharap dapat memberi kefahaman yang lebih khusus dan mendalam buat perbandingan bagi orang Islam sebelum dan selepas baligh.

Terdapat juga aktiviti luar darjah iaitu program Terokai Alam, Kenali Islam di mana pelajar berpeluang menikmati keindahan alam semula jadi ciptaan Yang Maha Esa.

Program ini, yang dianjurkan khas bagi pelajar berumur antara 7 dengan 18 tahun juga bertujuan memberi peluang kepada kakitangan JEC mengenali pelajar mereka dengan lebih dekat lagi dan megeratkan tali silaturahim serta hubungan ukhuwah Islamiah sesama umat Islam.

"Dua tahun lalu saya menghadiri sebuah program cuti sekolah JEC yang diadakan di pantai East Coast. Kami diajar cara bertayammum. Pengalaman itu sangat berharga," jelas Nur Shabirah Sariban, yang telah mengikuti kelas agama mingguan JEC selama hampir dua tahun.

Kem As-Salaam serta Haiwan di dalam Al-Quran adalah diantara dua lagi program yang dikendalikan oleh JEC yang dapat memberi manfaat kepada semua pelajar tidak kira usia.

"JEC amat gembira melihat pelajar sekolah sekular menghadiri kelas agama hujung minggu kerana kami berharap dengan pelbagai aktiviti hands-on dan teori-teori yang diajarkan di kelas JEC, ianya dapat memberi mereka ilmu yang berguna buat dunia dan akhirat," ujar Pengarah Eksekutif JEC, Cik Nora Rustham.

Beliau juga menambah: "Baru-baru ini terdengar banyak pertanyaan yang diterima daripda orang ramai menandakan lebih ramai yang berminat menyertakan anak mereka dalam program kelas agama hujung minggu ini."

Kelas agama mingguan JEC diadakan pada hari Sabtu dan Ahad. Orang ramai yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan menghubungi talian 6478-0475.

- *Artikel sumbangan Bahagian Komunikasi, Jamiyah Singapura.*

<http://specials.beritaharian.sg/sgbagus/ilmu/praktikkan-ilmu-agama-menerusi-program-cuti-sekolah>